

'Usah niagakan tapak UM'

BH- 16/6/2007

Lembaga pengarah arah pentadbir universiti buat bantahan kepada SC

Oleh Norliza Wasilan

KUALA LUMPUR: Universiti Malaya adalah satu warisan negara dan tapaknya di sini tidak harus dikorbankan untuk kepentingan perniagaan mana-mana pihak, kata lembaga pengarahnya sebagai membantah sebarang cadangan memindahkan universiti itu ke kawasan lain.

Pemangku Pengerusi Lembaga Pengarah UM, Datuk Dr Zulkefli A Hassan, berkata mesyuarat lembaga itu semalam mengarahkan pentadbir Universiti Malaya menulis surat bantahan kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) berhubung laporan mengenai hasrat syarikat hartanah, Guocoland (M) Bhd untuk memajukan tapak universiti itu, yang dianggap 'tidak tepat dan mengelirukan demi kepentingan komersial syarikat berkenaan.'

"Universiti Malaya tidak sama sekali mengetahui rancangan syarikat itu untuk mengalihkan kampus UM

ke satu kawasan baru seperti yang dilaporkan oleh sebuah akhbar pada Selasa lalu," katanya selepas mesyuarat lembaga itu semalam.

Guocoland yang dikuasai jutawan Tan Sri Quek Leng Chan, dilaporkan membuat tawaran untuk memindahkan universiti itu ke Sepang, dan membangunkan tapak kampus itu sekarang sebagai pusat komersial dan perumahan, menerusi projek dianggarkan bernilai RM10 bilion.

Rancangan itu sebelum ini dibantah Persatuan Kakitangan Akademik UM, Alumni UM, pensyarah, pentadbir dan mahasiswa.

Kelmarin, *Berita Harian* melaporkan Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) membantah cadangan untuk memindahkan universiti itu ke Sepang semata-mata untuk memberi laluan kepada sebuah syarikat memajukan tapak kampus berkenaan.

Presiden PAUM, Datuk Noordin Abd Razak, dalam kenyataannya, berkata pemindahan berkenaan di-

ibaratkan seperti membiarkan lokasi bersejarah di pinggir ibu negara lenyap ditelan pembangunan.

Bagaimanapun, Zulkefli berkata, buat masa ini campur tangan kerajaan tidak perlu kerana lembaga pengarah UM sudah membuat ketetapan tegas tidak akan berganjak daripada keputusan mereka.

"Kami bukan saja bertanggungjawab kepada kerajaan tetapi juga pelajar dan pemegang amanah yang terbabit dengan UM, oleh itu kami akan buat susulan dengan Suruhan-

“UM sudah membuat ketetapan tegas tidak akan berganjak daripada keputusan mereka”

Zulkefli A Hassan
Pemangku Pengerusi
Lembaga Pengarah UM

jaya Sekuriti," katanya.

Sementara itu, Noordin yang juga ahli Lembaga Pengarah universiti itu gembira apabila bantahan yang dikemukakan pada mesyuarat itu menerima reaksi positif.

"PUAM berharap perkara ini dihentikan... jadi, ahli perniagaan dan korporat jangan cuba bermain-main dengan UM," katanya.

Ahli Lembaga Pengarah UM, Dr Rozaidah Talib, yang juga Ahli Parlimen Ampang dan bekas pelajar UM, berkata beliau mahu budaya mengkomersilkan hartanah yang mempunyai nilai sejarah dihentikan segera.

Dr Rozaidah berkata, beliau tidak berniat untuk menghalang pembangunan kerana ia memberi manfaat kepada ekonomi negara, bagaimanapun, ia haruslah seimbang supaya nilai sejarah tidak luput.

Pemangku Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Mohd Amin Jalaluddin, ketika dihubungi memberi jaminan tiada perpindahan lokasi UM akan dibuat.